

MySejahtera dinaik taraf dengan perincian baharu

Putrajaya: Aplikasi MySejahtera akan dinaik taraf dengan menampilkan beberapa perincian baharu untuk membantu mengelak penularan COVID-19.

Ketua Pengarah Kanan Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis dan Kecemasan Kementerian Kesihatan, Dr A Maheshwaran Roa, berkata aplikasi MySejahtera yang dimuat turun oleh 27,313,193 pengguna termasuk tanggungan ketika ini ialah versi 1.25.

Susulan perkembangan semasa dan program imunisasi yang akan dijalankan, beliau berkata aplikasi berkenaan bakal diberi 'nafas baharu' menerusi versi 1.26.

"Kita akan buat kemas kini dan ia akan dipaparkan menerusi versi baharu, iaitu 1.26 selari langkah memantapkan aplikasi MySejahtera," katanya pada sesi taklimat bersama media secara dalam ta-

lian, semalam.

Dr Mahesh berkata, MySejahtera Vaccination akan dilancarkan akhir bulan ini bagi memastikan proses pelalian kalangan penerima berupaya dikendalikan secara lancar.

Katanya, rangkaian proses seperti pendaftaran, jadual suntikan vaksin dan pemantauan akan

dilaksanakan menerusi aplikasi berkenaan.

"Kita sarankan siapa yang belum muat turun aplikasi MySejahtera untuk berbuat demikian supaya apabila tiba pelaksanaan program pemvaksinan, ia dapat dijalankan dengan lancar."

"Selain itu, kita dapat kendalikan proses pengesanan kontak dan penilaian kendiri dalam kalangan pesakit COVID-19, sekali gus memastikan tahap kesihatan mereka sentiasa terjamin."

"Bagi mereka yang positif, setiap maklum balas daripada laporan kendiri ini akan dikemukakan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) bagi pemantauan harian."

"Setiap hari pada jam 9 pagi, mereka perlu menjawab soalan penting," katanya.

Fakta Nombor

1,514,453

premis

perniagaan berdaftar dengan MySejahtera



Aplikasi MySejahtera dinaik taraf bantu kekang penularan COVID-19.